



# Strategi Kerajaan dalam Mengukuhkan dan Menstabilkan Harga Sawit



*Pokok sawit berumur 25 tahun yang telah ditebang dan diracik.*

## KANDUNGAN

- Strategi Kerajaan dalam Mengukuhkan dan Menstabilkan Harga Sawit 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Racun Rumpai untuk Kawalan Anak Sawit Liar di Ladang Sawit 5
- Kuiz Sawit 7
- Kenalilah... Jenis-Jenis Racun untuk Kawalan Rumpai di Ladang Sawit 8
- Sudut Kreatif Sawit 12
- Sembang Sawit 12
- Sedutan Akhbar 13
- Tahukah Anda? 15
- Berita Bergambar 16
- Diari & Peristiwa 18
- Profil Komoditi 20
- Peladang Jaya 21
- Direktori MPOB 24
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 27



Kejatuhan harga minyak sawit secara mendadak kebelakangan ini merupakan kesan langsung daripada kelembapan ekonomi dunia akibat krisis kewangan. Ia juga telah memberi kesan ke atas prestasi eksport minyak sawit negara. Keadaan ini telah menimbulkan keresahan kepada pekebun kecil dan pengusaha ladang sawit yang berskala kecil apabila kos input tanaman sawit seperti kos baja, buruh dan pengangkutan adalah tinggi berbanding dengan harga semasa minyak sawit. Harga minyak sawit yang rendah ini telah menyebabkan keuntungan pengeluar buah sawit semakin sedikit dan seterusnya mengalami kerugian.

Untuk memastikan harga minyak sawit kembali kukuh dan stabil, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik jangka pendek dan panjang untuk membantu penanam sawit. Pelaksanaan program jangka pendek adalah seperti pelaksanaan Skim Insentif Tanam Semula (SITS) 2008 dan Skim Bantuan Tanam Semula bertujuan untuk mengurangkan stok minyak sawit. Selain itu, pemotongan sebanyak 5% duti import baja ke atas tujuh jenis baja bagi membantu pihak pengeluar baja tempatan mengurangkan sekurang-kurangnya 15% harga baja. Bagi langkah strategik jangka panjang pula, kerajaan telah dan akan menguatkuasakan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit dan

*Bersambung ke muka surat 2*

## Sidang Pengarang

PENASIHAT  
Datuk Dr. Mohd Basri bin Wahid

PENGERUSI  
Dr. Salmiah bt Ahmad

TIMBALAN PENERUSI  
Hj. Idris bin Omar

KETUA PENYUNTING  
Hj. Wahid bin Omar

PENYUNTING  
Dr. Norman bin Hj. Kamarudin  
Hj. Esnan bin Ab. Ghani  
Hj. Hamdan bin Abu Bakar  
Hj. Mohd Tarmizi bin Mohammed  
Dr. Ahmad Tarmizi bin Hashim  
Ab Aziz bin Md Yusof  
Che Johari bin Mamat  
Hj. Mohd Azmi bin K Ismail  
Mazlan bin Mustaffa  
Noor Asmawati bt Abd Samad

SETIAUSAHA  
Nur Hanani bt Mansor

Sambungan dari muka surat 1

meningkatkan jumlah kuota eskport minyak sawit kepada 3 juta tan setahun daripada 2.5 juta tan setahun sebelum ini serta menggalakkan peningkatan eksport produk hiliran sawit negara melalui promosi yang lebih agresif.

Skim Insentif Tanam Semula 2008 atau SITS 2008 yang bermula pada 1 Disember 2008 adalah program menanam semula pokok sawit yang telah berumur 25 tahun dan ke atas atau sudah tidak produktif. Pelaksanaan SITS 2008 kali ini melibatkan dana berjumlah RM 200 juta bertujuan untuk mengurangkan pengeluaran minyak sawit yang akan melibatkan tanaman sawit seluas 200 000 ha iaitu pada kadar RM 1000/ha.

Pelaksanaan SITS 2008 adalah susulan daripada pengalaman kejayaan SITS 2001 yang melibatkan kawasan seluas 218 995 ha yang telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit sebanyak 52% daripada paras RM 894.50 setan pada 2001 kepada paras RM 1363.50 setan pada 2002 dan ke paras RM 1544.50 setan pada 2003.

Peningkatan harga minyak sawit ini adalah kesan daripada pengurangan stok akhir

Bersambung ke muka surat 3



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Malaysia telah mengalami kejatuhan harga minyak sawit yang teruk pada 2001. Kejatuhan harga minyak sawit pada masa itu disebabkan kurangnya permintaan bagi minyak sawit kerana peningkatan pengeluaran minyak sayuran dunia selain daripada sawit. Pada masa itu, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melaksanakan pelbagai kaedah bagi meningkatkan semula harga minyak sawit. Salah satu kaedah ialah mengurangkan stok minyak sawit negara melalui penanaman semula sawit dan penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar untuk tenaga. Usaha yang dijalankan telah berjaya meningkatkan semula harga minyak sawit daripada RM 895 setan pada 2001 kepada RM 1545 setan pada 2003.

Pada tahun 2008, kita sekali lagi mengalami kejatuhan harga minyak sawit yang teruk. Kejatuhan harga minyak sawit pada masa ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi di seluruh dunia dan ini telah menyebabkan negara utama pengimport minyak sawit mengurangkan pembelian minyak sawit. Kejatuhan harga minyak sawit pada kali ini juga sangat dirasai oleh penanam sawit terutamanya pekebun kecil kerana sebelum ini mereka telah menikmati harga buah tandan segar (BTS) yang tinggi iaitu melebihi RM 700 setan dan kemudian jatuh ke harga sekitar RM 300 setan. Kos pengeluaran yang tinggi disebabkan harga input pertanian yang tinggi terutamanya baja kimia juga telah menambahkan kesukaran kepada penanam sawit pada kali ini berbanding pada 2001. Kurangnya permintaan juga telah meningkatkan stok minyak sawit negara dan ini juga telah menyebabkan kesukaran bagi meningkatkan harga minyak sawit pada masa yang singkat.

Kejatuhan harga sawit pada kali ini memerlukan perancangan dan usaha yang lebih daripada semua pihak termasuk penanam sawit berbanding pada 2001. Berdasarkan kejayaan pada 2001, kerajaan sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM 200 juta untuk Skim Insentif Tanam Semula (SITS). Melalui SITS, kerajaan memberi insentif sebanyak RM 1000/ha bagi sawit yang ditanam semula. Memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh pekebun kecil, untuk membiayai kos tanam semula, kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua 2009 (PRE2), telah menambahkan lagi bantuan sebanyak RM 6000/ha bagi tanaman semula sawit yang dilaksanakan oleh pekebun kecil persendirian yang tidak menerima bantuan daripada mana-mana agensi. Penanam sawit terutamanya pekebun kecil disaran supaya merebut peluang ini bagi menanam semula pokok sawit tua. Bagi mengurangkan harga baja, pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah mengadakan

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

beberapa perbincangan dengan syarikat pembuat dan pengedar baja sawit untuk mengurangkan kos pengeluaran bagi membantu kesan kejatuhan harga minyak sawit kepada industri dan pekebun kecil. Penanam sawit juga disarankan menggunakan biojisim sawit dan baja organik daripada biojisim sawit bagi mengurangkan kos pembajaan. Untuk jangka panjang, kerajaan telah menguatkuasakan penggunaan biodiesel iaitu campuran diesel dan 5% metil ester sawit bagi mempelbagaikan penggunaan minyak sawit dan mengurangkan stok minyak sawit negara.

Selain daripada usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan, KPPK dan MPOB, penanam sawit juga perlu meningkatkan pengeluaran sawit mereka dengan mengamalkan kaedah pertanian baik bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan daya saing perusahaan sawit negara. Semua usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan, KPPK dan MPOB tidak akan berjaya tanpa kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak yang terlibat dalam industri sawit. Maklumat dan borang untuk skim SITS dan PRE2 boleh diperolehi daripada laman web MPOB dan pegawai TUNAS.

Wahid bin Omar (wahid@mpob.gov.my)

Sambungan dari muka surat 2

minyak sawit iaitu daripada 1.41 juta tan pada akhir tahun 2000 susut kepada 1.21 juta tan pada 2001 dan seterusnya 1.14 juta tan pada akhir tahun 2002. Oleh itu adalah diharapkan berdasarkan kepada jangkaan penyusutan sebanyak 700 000 tan dari stok minyak sawit sedia ada melalui pelaksanaan SITS 2008 ini, harga minyak sawit dijangka akan kembali kukuh dan stabil pada akhir tahun 2009.

Tarikh tutup permohonan SITS 2008 adalah pada 30 Jun 2009 manakala penebangan pokok sawit perlu dilakukan sebelum 31 Mac 2010. Sebagai galakan kepada pekebun kecil untuk menyertai SITS serta membantu pekebun kecil melaksanakan tanaman semula sawit, bermula Mac 2009 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua 2009 (PRE2), insentif sebanyak RM 6000/ha diberi bagi membantu membiayai kos tanam semula sawit oleh pekebun kecil persendirian. Oleh itu, setiap pekebun kecil persendirian tidak termasuk peneroka atau peserta FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi kerajaan negeri yang menyertai SITS layak menerima bayaran terkumpul dari skim SITS dan PRE2 yang berjumlah RM 7000/ha. Pekebun kecil yang mendapat bantuan tanam semula ini akan diberi pilihan sama ada menguruskan sendiri atau melalui MPOB yang mana bayaran akan dibuat secara terus kepada kontraktor dan sekiranya terdapat baki daripada peruntukan RM 1000/ha di bawah SITS 2008 dan RM 6000/ha di

bawah PRE2 maka baki akan diserahkan kepada pekebun kecil. Oleh itu, pekebun kecil disaran mengambil peluang keemasan menanam semula kebun sawit yang berumur melebihi 25 tahun, bagi memperolehi produktiviti yang tinggi pada masa hadapan.

Sebagai langkah strategik untuk jangka masa panjang pula, kerajaan telah melaksanakan penggunaan biodiesel Envo Diesel Ester (EDE) iaitu adunan 5% metil ester berasaskan sawit dengan diesel yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2009. Sebagai permulaan penggunaan EDE ini akan dikuatkuasakan ke atas semua kenderaan yang menggunakan enjin diesel milik jabatan dan agensi kerajaan. Langkah strategik ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada awal 2010 dengan anggaran penggunaan sebanyak 500 000 tan minyak setiap tahun.



Envo Diesel Ester (EDE).

Penggunaan biodiesel merupakan antara teras Dasar Bio Bahan Api Nasional yang telah diumumkan pada Mac 2006. Penggunaan biodiesel berasaskan sawit dalam negara akan memberi manfaat dari segi peningkatan permintaan minyak sawit dan mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui pengurangan penggunaan diesel fosil. Penggunaan alternatif minyak sawit ini di jangka tidak akan menjejaskan penggunaan minyak sawit dalam industri makanan, farmaseutikal, kosmetik dan lain-lain kerana keupayaan pengeluaran minyak sawit negara yang besar iaitu sekitar 16 hingga 18 juta tan setahun. Bagi memastikan industri sawit negara terus mapan dan berdaya saing di peringkat global, kerajaan akan terus memastikan harga hasil sawit terus kukuh dan stabil dengan melaksanakan langkah strategik jangka pendek dan panjang ini, sama ada secara berkala atau secara berterusan untuk memastikan industri sawit kekal sebagai salah satu penjana utama pendapatan negara.



Sumbangan: Mazlan Mustaffa  
(mazlan@mpob.gov.my)



## SUDUT TEKNOLOGI

### RACUN RUMPAI UNTUK KAWALAN ANAK SAWIT LIAR DI LADANG SAWIT

#### Pengenalan

Buah sawit relai mempunyai kandungan minyak yang tinggi dan bersaiz besar kerana ia terdiri daripada buah di bahagian luar tandan yang menyumbang hampir 50% daripada jumlah peratusan minyak kepada tandan. Walau bagaimanapun, buah sawit relai ini seringkali terbiar di ladang sawit tanpa dikutip disebabkan oleh masalah kekurangan pekerja di ladang. Kerja-kerja mengutip buah sawit relai juga akan menjadi bertambah rumit sekiranya terdapat rumpai yang tidak dikawal dengan baik di kawasan sekitar pangkal pokok sawit. Buah yang ditinggalkan ini lama kelamaan akan bercambah dan tumbuh secara semulajadi menjadi anak sawit liar atau *volunteer oil palm seedlings* yang lebih dikenali sebagai VOPS (Rajah 1). Selain daripada buah sawit relai, buah sawit daripada tandan busuk/rosak yang ditinggalkan di ladang juga mungkin boleh bercambah dan tumbuh sebagai anak sawit liar (Rajah 2). Jika dibiarkan, ia akan bersaing dengan tanaman sawit untuk mendapatkan makanan (nutrien), kelembapan dan ruang serta akan mengganggu operasi ladang. Oleh itu, anak sawit liar ini juga boleh dianggap sebagai rumpai di ladang sawit dan perlu dikawal.



Rajah 1. Anak sawit liar yang tumbuh dari buah sawit relai.




Rajah 2. Anak sawit liar yang tumbuh dari tandan sawit yang ditinggalkan di ladang sawit.

#### Keberkesanan beberapa jenis racun rumpai untuk kawalan anak sawit liar

Kawalan secara kimia dengan menggunakan beberapa jenis racun rumpai didapati kurang berkesan untuk membunuh anak sawit liar disebabkan sifat fizikal daunnya yang berketikel tebal dan berlilin. Oleh demikian, MPOB telah menguji beberapa jenis racun rumpai yang boleh membunuh anak sawit liar di ladang sawit. Sebanyak 11 jenis racun rumpai yang terdapat di pasaran telah diuji seperti berikut:

Jenis racun	Kepekatan
1. 2,4-D isopropylamine	45% w/w
2. diuron	80% w/w
3. glufosinate ammonium	13.5% w/w
4. glyphosate dimethylamine	52% w/w
5. glyphosate isopropylamine	41% w/w
6. glyphosate monoammonium	33.6% w/w
7. imazapyr isopropylamine	11.9% w/w
8. MSMA	35.5% w/w
9. paraquat dichloride	13% w/w
10. glufosinate ammonium + imazapyr + 2,4-D	5.8% w/w 5.5% w/w 42% w/w
11. glyphosate isopropylamine + MCPA isopropylamine	34% w/w 6.5% w/w

## Kawalan rumpai yang berkesan



Bahan aktif untuk AMMO 120 dan AMMO SUPRE ialah glyphosate monoammonium, kedua-duanya merupakan racun perosak kelas IV.



BACA LABEL KELUARAN SEBELUM MENGGUNAKANNYA.



Untuk sebarang maklumat lanjut sila hubungi:  
**ANCOM CROP CARE SDN. BHD. (148170-X)**  
 Lot 5, Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
 Tel.: 603-55194022 Faks: 603-55103888 E-mel: sales@ancomcropcare.com.my

Sambungan dari muka surat 5

Semburan racun dilakukan dengan kaedah merumpai secara am di mana semua anak sawit liar disembur secara sekata dengan isipadu semburan 450 liter/ha menggunakan pam galas biasa.

Berdasarkan daripada hasil kajian tersebut, didapati terdapat tiga jenis racun rumpai sesuai digunakan untuk membunuh anak sawit liar berumur di antara tiga hingga lima bulan (anggaran ketinggian: 15 cm–25 cm) seperti berikut:



Rajah 4. Terdapat pertumbuhan anak sawit liar apabila racun rumpai yang tidak sesuai digunakan.

Racun Rumpai	Kadar	Peratus kematian
Glyphosate monoammonium 33.6% w/w	5 liter/ha	100%
Paraquat dichloride 13% w/w	5 liter/ha	93%
Glyphosate isopropylamine 41% w/w	4 liter/ha	87%

*Paraquat dichloride* memberikan kesan lecur seawal tiga hari selepas semburan dijalankan tetapi hanya 93% kematian direkodkan setelah 14 hari selepas semburan. *Glyphosate monoammonium* memberi kawalan yang lebih berkesan kerana kesemua anak sawit liar yang disembur dengan racun tersebut mati sepenuhnya (100% kematian) (Rajah 3) selepas 14 hari semburan walaupun tiada kesan lecur atau kecederaan pada anak sawit liar dalam masa tujuh hari pertama selepas semburan. Terdapat pertumbuhan anak sawit liar (Rajah 4) selepas 70 hari semburan dijalankan bagi semua jenis racun rumpai kecuali racun *glyphosate monoammonium*. Racun *glyphosate isopropylamine* 41% w/w juga sesuai digunakan untuk kawalan anak sawit liar memandangkan ia dapat memberi sehingga 87% kematian anak sawit liar.



Rajah 3. Anak sawit liar mati selepas disembur dengan racun *glyphosate monoammonium*.

#### Kaedah semburan racun untuk kawalan anak sawit liar

Sebelum kerja-kerja menyembur racun rumpai dijalankan, bancuhan racun rumpai yang betul mengikut kadar yang dicadangkan hendaklah disediakan. Kadar penggunaan racun rumpai *glyphosate monoammonium*, *paraquat dichloride* dan *glyphosate isopropylamine* bagi pam galas biasa (isipadu semburan 450 liter/ha) adalah seperti dalam *Jadual 1*. Sebagai panduan, anggaran harga racun rumpai tersebut juga dinyatakan dalam *Jadual 1*.

Penggunaan air yang bersih dan tidak tercemar adalah penting kerana bahan asing yang terdapat dalam air mungkin boleh menyebabkan muncung penyembur tersumbat dan juga menghakis tangki pam. Air yang bersih juga amat penting apabila membuat bancuhan racun paraquat kerana ia akan ternyahaktif jika air yang mengandungi tanah liat digunakan. Semburan racun rumpai hendaklah dijalankan pada hari yang bercuaca kering. Semburan pada hari hujan tidak akan memberikan keputusan yang baik kerana racun yang disembur akan dibasahi air hujan. Kebanyakan racun tidak akan berkesan jika hujan turun dalam tempoh empat jam selepas semburan dijalankan. Kaedah semburan yang dijalankan adalah secara kaedah merumpai am iaitu seperti merumpai rumput jenis lain. Semburan tidak perlu dijalankan secara basah/lencun dan memadai

Bersambung ke muka surat 7

Sambungan dari muka surat 6

#### JADUAL 1. KADAR PENGGUNAAN RACUN RUMPAI UNTUK KAWALAN ANAK SAWIT LIAR

Racun rumpai	Kadar racun rumpai*		Anggaran Harga ** (RM)
	liter/ha dalam air 450 liter	ml dalam air 18 liter	
Glyphosate isopropylamine 41% w/w	4.0	160	66.70/4 liter
Paraquat dichloride 13% w/w	5.0	200	41.00/4 liter
Glyphosate monoammonium 33.6% w/w	5.0	200	90.30/4 liter

Nota:

\* Berdasarkan isipadu semburan rumpai secara am pada 450 liter/ha.

\*\* Anggaran harga yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada purata harga runcit di pasaran pada April 2009.

dengan semburan sekata ke seluruh anak sawit liar. Kawalan adalah disyorkan ke atas anak sawit berumur tiga hingga lima bulan dan kesan kawalan ke atas anak sawit yang lebih tua mungkin akan memberi kesan yang berlainan daripada yang diperolehi daripada kajian.

#### Kesimpulan

Kawalan anak sawit liar yang baik dapat diperolehi sekiranya racun yang sesuai digunakan. Kadar racun yang digunakan, masa semburan dan cara semburan adalah sangat penting untuk memastikan kesan yang maksimum. Selain daripada itu, semburan hendaklah dijalankan secara teratur dan berjadual memandangkan anak sawit liar yang lebih tua adalah lebih sukar dikawal berbanding yang masih muda.

#### Rujukan

TURNER, P D dan GILLBANK (1982). *Oil Palm Cultivation and Management*. The Incorporated Society of Planters, Kuala Lumpur.



Sumbangan: Maizatul Suriza Mohamed (suriza@mpob.gov.my) dan Idris Abu Seman (idris@mpob.gov.my)

### ????????? Kuiz Sawit ???????????

1. Sekiranya simptom hujung lai daun berbentuk cangkuk, berkedut, berbentuk V atau daun berjalur kekuningan dikesan pada pokok sawit, baja jenis apakah yang diperlukan bagi memperbaiki simptom tersebut?
2. Dimanakah tempat peletakan baja yang paling sesuai untuk pokok sawit matang?
3. Antara baja formulasi MPOB berikut, yang mana satukah merupakan baja yang sesuai untuk tanah gambut?
  - a) MPOB F1
  - b) MPOB F2
  - b) MPOB F3
  - d) MPOB F4
4. Namakan mineral yang ditambah ke dalam baja MPOB F3 yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyerapan nutrien oleh akar pokok?
5. Yang mana satu di antara berikut merupakan kelebihan santan sawit berbanding dengan santan kelapa?
  - (i) Tidak mudah rosak
  - (ii) Kurang asid lemak tepu
  - (iii) Kaya dengan bahan anti-toksid (vitamin A dan E)
  - a) Semua di atas
  - b) i dan ii sahaja
  - c) ii dan iii sahaja
  - d) iii sahaja

Jawapan di muka surat 14

## KENALILAH... JENIS-JENIS RACUN UNTUK KAWALAN RUMPAI DI LADANG SAWIT

Kawalan rumpai merupakan amalan agronomi yang penting kerana rumpai akan bersaing dengan tanaman sawit untuk mendapatkan makanan (nutrien) air, cahaya dan juga ruang serta mengganggu kelancaran operasi ladang seperti penuaian buah tandan segar (BTS), pemungutan buah relai, pengangkutan BTS, pembajaan dan penyeliaan ladang. Terdapat pelbagai kaedah kawalan rumpai antaranya ialah kawalan secara manual dan kimia. Kawalan secara kimia menggunakan racun rumpai biasanya dilakukan menggunakan penyembur galas. Cara ini adalah berkesan untuk mengawal rumpai dalam tempoh

jangka panjang. Masa yang diperlukan untuk aktiviti kawalan juga adalah singkat berbanding kaedah lain.

### Cara Meracun dan Jenis Racun Rumpai yang Disyorkan

Terdapat tiga cara pengawalan rumpai yang biasa dilaksanakan di ladang sawit iaitu; (1) merumpai bulatan, (2) merumpai di lorong dan (3) merumpai selektif (Rajah 1). Racun rumpai yang disyorkan untuk kawalan beberapa jenis rumpai adalah seperti di dalam Jadual 1.



Rajah 1. Cara pengawalan rumpai yang biasa dilaksanakan di ladang sawit iaitu: (1a) merumpai bulatan, (1b) merumpai di lorong dan (1c) merumpai selektif.

Sambungan dari muka surat 8

JADUAL 1. RACUN RUMPAI YANG SESUAI UNTUK BEBERAPA JENIS RUMPAI

Jenis rumpai	Racun rumpai	Kadar (berdasarkan isipadu semburan 450 liter/ha)	
		per ha	18 liter air
Rumpai am	Paraquat (13.0% w/w) + 2,4-D (69.5% w/w)	2.8 liter + 0.7 liter	112 ml + 28 ml
Rumpai jenis rumput	Glyphosate isopropylamine (41% w/w) + Fluroxypyr (29.6 % w/w)	1.5 liter + 0.375 liter	60 ml + 15 ml
	Paraquat (13.0% w/w) + Metsulfuron-methyl (20% w/w)	3.0 liter + 75 g	224 ml + 3 g
	Paraquat (13.0% w/w) + Fluroxypyr (29.6 % w/w)	3.0 liter + 0.375 liter	224 ml + 15 ml
Rumpai berdaun lebar	Glyphosate isopropylamine (41% w/w) + Metsulfuron-methyl (20% w/w)	1.5 liter + 75 g	60 ml + 3 g
	Glyphosate isopropylamine (41% w/w) + Fluroxypyr-meptyl (29.6 % w/w)	1.5 liter + 0.375 liter	60 ml + 15 ml
	Paraquat (13.0% w/w) + Metsulfuron-methyl (20% w/w)	3.0 liter + 75 g	224 ml + 3 g
	Paraquat (13.0% w/w) + Fluroxypyr-meptyl (29.6 % w/w)	5.6 liter + 0.375 liter	224 ml + 15 ml
Kekacang penutup bumi	Metsulfuron-methyl (20% w/w)	75 g	3 g
Paku-pakis dan resam	Paraquat (13.0% w/w) + diesel*	5.6 liter + 2.8 liter	224 ml + 112 ml
	Metsulfuron-methyl (20% w/w) ( <i>Nephrolepis bisserata</i> )	75 g	3 g
Anak sawit liar (VOPs)	Glyphosate monoammonium (33.6% w/w)***	5.0 liter	200 ml
	Paraquat (13% w/w)	5.0 liter	200 ml

Sumber: Chung, 1996; Chee dan Chung, 1998, Basri *et al.*, 2003; Maizatul dan Idris, 2007.

Nota: \* Ditambah agen pembasah daun (*surfactant*) contohnya Lissapol (2.8 liter/ha).

\*\* Berbahaya kepada tanaman sawit muda. Semburan di luar kawasan bulatan sawit muda sahaja.

\*\*\* Boleh mengakibatkan daun melecur.

Elakkan kabus semburan daripada terkena tanaman sawit apabila menggunakan racun rumpai sentuhan.

Walaupun penggunaan racun untuk kawalan rumpai adalah berkesan, tetapi pengawasan yang betul perlu dilakukan agar kawalan rumpai dapat dilakukan dengan sempurna tanpa merosakkan alam sekitar. Penggunaan racun rumpai yang cuai dan tidak tepat boleh menyebabkan kesan buruk kepada tanaman terutamanya kepada tanaman sawit muda. Contoh kesan racun rumpai ke atas tanaman sawit adalah seperti di dalam Jadual 2.

Selain itu, adalah lebih baik jika sistem pengurusan rumpai dijalankan secara bersepadu iaitu dengan menggabungkan penggunaan racun rumpai dengan kaedah kawalan lain seperti kaedah sungkupan, penanaman kekacang penutup bumi, kaedah mekanikal menggunakan jentera dan juga kaedah biologi seperti integrasi ternakan lembu dan kambing di dalam ladang sawit.

Bersambung ke muka surat 9

Bersambung ke muka surat 10

Sambungan dari muka surat 9

JADUAL 2 . KESAN FITOTOKSIK KE ATAS TANAMAN SAWIT DISEBABKAN OLEH RACUN RUMPAI

Racun rumpai	Kesan buruk (Simptom fitotoksik)
Glufosinate ammonium	Daun melecur
Glyphosate	Pucuk layu dan pelepah mudah patah (terkulai)
Paraquat	Daun melecur, kering
Dicamba, Triclopyr, Fluoroxypyr, 2,4-D, Imazapyr	Pokok menjadi bengkok dan lebam dan pembentukan buah partenokarpik (buah tidak sempurna) Pelepah daun berbintik kuning dan oren; pucuk mati
Sodium chlorate	Kawasan terkena semburan menjadi perang muda

Sumber: Chung (1996).

### Kesimpulan

Penggunaan racun adalah kaedah terbaik dalam pengawalan rumpai. Jenis dan kadar racun serta masa dan cara semburan adalah sangat penting bagi memastikan kawalan rumpai yang berkesan. Selain itu langkah-langkah keselamatan pengendalian dan penyediaan bancuhan racun serta teknik penyemburan racun dan kaedah penyimpanan racun adalah amat penting bagi memastikan keselamatan pengguna.

### Rujukan

BASRI, M W; NORMAN, K; IDRIS, A S; ARIFIN, D; SHAMALA, S; RAMLE, M dan SITI RAMLAH, A A (2003). *Handbook of Pests and Diseases of Oil Palm*. MPOB, Bangi, Selangor.

CHEE, Y K dan CHUNG, G F (1998). *Intergrated weed management in oil palm*. Dibentangkan dalam *5th MOSTA Seminar on Recent Advances in Oil Palm Sector*. 15-17 Oktober 1998. Orient Star Resort, Lumut, Perak.

CHUNG, G F (1996). *Weed management in oil palm*. Hishamudin, M.J, Shamsuri, M. dan Soleha, A.B. (eds.). *Oil Palm Plantation Management: Selected Reading*. MPOB, Bangi, Selangor. m.s 165-179.

MAIZATUL, S M dan IDRIS, A S (2007). *The efficacy of commercial herbicides to control volunteer oil palm seedlings by general weed control spray volume*. *Proc of Agriculture, Biotechnology and Sustainability Conference, PIPOC 2007 International Palm Oil Congress, Palm Oil: Empowering Change*, 26-30 Ogos 2007. Kuala Lumpur Convention Center, Kuala Lumpur. m.s 826-835.



Sumbangan: Maizatul Suriza Mohamed (suriza@mpob.gov.my) dan Idris Abu Seman (idris@mpob.gov.my)

## Pengumuman

# KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG (Tahap I) (2 September 2009 – 11 Februari 2010)



### KELEBIHAN

- Pembelajaran secara teori dan praktikal dalam semua aspek mekanisasi sawit
- Berpeluang memperolehi lesen kelas F traktor/jentera bergerak ringan (beroda) BTM <5000kg
- Kemudahan pengangkutan dan penginapan disediakan
- Sijil MPOB dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan dianugerahkan di akhir kursus
- Elaun diberikan sepanjang mengikuti kursus
- Kursus Jangka Pendek pula ditawarkan bagi yang ingin mengikuti topik-topik pilihan

### SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia
- Berumur antara 18 -55 tahun
- Tamat SPM/SPM (V) atau yang setaraf dengannya atau mempunyai 2 tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/penjenteraan
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia

Pusat Bertauliah (Kod Pusat: K15002) yang diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Malaysia untuk melaksanakan Program Tahap I, II dan III

### YURAN

RM3,500. Kemudahan bantuan kewangan disediakan bagi individu yang layak.

### Anjuran :

Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia

### Maklumat lanjut, sila hubungi:

Pn. Zainon Mat Sharif, Tel: 03-87694568,  
Faks: 03-89257549, emel: zainon@mpob.gov.my)  
atau En. Abd. Rahim Shuib, Tel: 03-89201504 Samb. 122,  
Faks: 03-89261852, emel: rahim@mpob.gov.my) atau Pn.  
Mastura Mohd Kassim, Tel: 03-89201504 Samb. 143,  
Faks: 03-89261852, emel: mastura@mpob.gov.my



KOD	TOPIK	SESI SEPTEMBER 2009
CFM121	Pengenalan Kepada Industri Sawit	2 September
CFM122	Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	2 – 3 September
CFM123	Asas Enjin Petrol	3 – 11 September
CFM124	Teknologi & Pemanduan Traktor	14 September – 2 Oktober
	<b>CUTI SEMESTER</b>	<b>22 – 25 September</b>
CFM131	Mekanisasi Kawalan Rumpai, Penyakit & Perosak Di Tapak Semaian	5 – 13 Oktober
CFM132	Penyediaan Tanah	14 Oktober – 5 November
CFM133	Teknologi Penanaman Sawit	6 – 30 November
CFM134	Kawalan Rumpai, Penyakit & Perosak Sawit	1 – 9 Disember
CFM135	Penuaian Sawit	10 – 31 Disember
CFM141	Latihan Industri	11 Januari – 5 Februari

### BORANG PERMOHONAN

Nama : \_\_\_\_\_

No Tel : \_\_\_\_\_

No Faks : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Borang yang lengkap sila kemukakan kepada :-

Ketua Pengarah MPOB  
No. 6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang  
Selangor

(Up : Pn. Zainon Mat Sharif)

(Unit Pembangunan Insan dan Pengurusan Persidangan)

[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



## Dari Pokok ke Peralatan Dapur

Peralatan dapur berasaskan biojisim sawit.



Sawit amat dikenali kerana sumbangannya kepada ekonomi negara. Pelbagai produk daripada sawit kini berada di pasaran seluruh dunia. Produk utama yang dihasilkan daripada buahnya iaitu minyak sawit dipelbagaikan menjadi pelbagai jenis produk makanan dan bukan makanan seperti marjerin, sabun dan biodiesel sawit.

Dari sudut kreatif pula, biojisim sawit boleh dijelmakan menjadi pelbagai produk untuk kegunaan harian termasuk peralatan dapur. Alatan dapur dihasilkan daripada biojisim sawit seperti batang dan pelepah sawit yang kemudian diproses dan dibentuk secara kreatif. Antara peralatan dapur tersebut ialah sudu, garpu, senduk, mangkuk pelbagai bentuk, tempat menyimpan makanan, dulang dan pelapik gelas.

## SEMBANG SAWIT



# SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : **KEMENTERIAN LULUS PERDAGANGAN TUKAR BARANG BAJA, MINYAK SAWIT**

Tarikh : **Berita Harian, 19 Januari 2009**

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi kini membenarkan pengimportan komponen baja ke Malaysia sebagai pertukaran dengan minyak sawit mentah.

Menterinya, Datuk Peter Chin Fah Kui, berkata kementerianya meluluskan kira-kira USD 20 juta nilai transaksi dengan Korea akhir tahun lalu.

"Selain Korea Utara, kementerian berusaha untuk mengadakan perjanjian yang sama dengan Morocco, Jordan, Syria dan Iran," katanya.

Perjanjian sedemikian dibenarkan melalui Perjanjian Kredit dan Pembayaran Minyak Sawit (POCPA) yang diadakan pada 1992 dengan sokongan Bank Negara Malaysia.

Antara komponen baja yang diperlukan industri sawit adalah nitrogen, potassium dan kalsium.

Tajuk : **KEMANTAH, DBKL GUNA BIODIESEL SAWIT B5**

Tarikh : **Berita Harian, 29 Januari 2009**

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Pertahanan (Kementah) akan menjadi perintis dalam penggunaan biodiesel sawit B5 untuk kenderaan masing-masing mulai bulan Februari, dengan penggunaan hampir 600 000 liter sebulan.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Dr. Mohd Basri Wahid, berkata kedua-dua badan kerajaan itu secara gabungan memiliki 3900 kenderaan.

Baru-baru ini, kerajaan mewajibkan penggunaan biodiesel sawit B5 bagi semua kenderaan kerajaan mengikut fasa mulai bulan Februari.

Tajuk : **MPOB SUDAH LULUS 623 PERMOHONAN TANAM SEMULA (SITS)**

Tarikh : **Berita Harian, 29 Januari 2009**

Sebanyak 623 permohonan bagi menyertai Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS 2008) membabitkan pemberian berjumlah RM 61 juta sudah diluluskan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak skim itu dilaksanakan awal Disember tahun lalu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator A. Kohilan Pillay, berkata daripada keseluruhan permohonan itu, 209 adalah estet membabitkan 51 000 ha ladang sawit, 306 pekebun kecil individu (1485 ha) dan bakinya adalah peneroka atau peserta rancangan tanah kerajaan seperti RISDA, FELDA dan FELCRA (8381 ha kebun sawit).

"Sambutan yang diterima amat memberangsangkan apabila permohonan untuk menyertai skim itu meningkat 532 daripada 91 permohonan dua minggu lalu. Kementerian sasarkan pemberian insentif sebanyak RM 200 juta membabitkan 200 000 ha ladang dan kebun sawit seluruh negara," katanya.

Bersambung ke muka surat 14

Sambungan dari muka surat 12

Tajuk : **PENGGUNAAN B5 DILAKSANA SEPENUHNYA MENJELANG 2010**Tarikh : **Berita Harian, 11 Februari 2009**

Penggunaan adunan 5% minyak sawit dengan diesel (B5) secara mandatori akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2010, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Katanya, kerajaan meluluskan penggunaan B5 dalam sektor pengangkutan serta industri tempatan dan ia akan diserapkan ke dalam pasaran bahan api domestik bermula dengan kenderaan kerajaan.

“Insentifnya untuk mewujudkan permintaan bagi tambahan 500 000 tan minyak sawit dalam negara yang akan diperlukan untuk mengeluarkan biodiesel sawit,” katanya.

Tajuk: **EKSPORT KOMODITI MALAYSIA RM 112 BILION**Tarikh: **Utusan Malaysia, 19 Februari 2009**

Jumlah eksport komoditi utama Malaysia meningkat 26.7% pada tahun lalu dengan mencatatkan pendapatan RM 112.4 bilion berbanding RM 88.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, peningkatan pendapatan itu disebabkan kenaikan permintaan dan harga tinggi di pasaran antarabangsa.

“Bagaimanapun, eksport komoditi kita pada tahun ini tidak akan mencecah RM 112.4 bilion seperti tahun lalu berikutan kelembapan ekonomi dunia walaupun produktiviti kita stabil.

Katanya, minyak sawit merupakan penyumbang utama sektor komoditi menerusi pendapatan bernilai RM 64.8 bilion.

**JAWAPAN KUIZ SAWIT**

1. Baja tunggal yang mengandungi unsur boron seperti baja borate.
2. Di lorong antara pokok dan himpunan pelepah yang telah dipangkas kerana kawasan ini terdapat banyak akar yang paling aktif.
3. (c) MPOB F3.
4. Mineral zeolite.
5. a) Semua di atas.

**PENCUCI PINGGAN MANGKUK BERASASKAN SAWIT**

Tahukah anda bahawa minyak sawit boleh digunakan dalam penghasilan pencuci pinggan mangkuk? Di pasaran kini terdapat pelbagai pilihan pencuci pinggan mangkuk dan kebanyakannya adalah berasaskan bahan aktif daripada petroleum iaitu *linear alkil benzene sulfonat* (LAS). Para pengguna khususnya amat prihatin dengan bahan cucian yang tertinggal pada pinggan mangkuk selepas membasuh. Malah sisa kimia daripada basuhan yang disalurkan ke sungai juga boleh menyebabkan pencemaran. Menyedari akan kepentingan menjaga alam sekitar, MPOB telah berjaya menghasilkan teknologi pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit yang mesra alam dan mempunyai prestasi cucian yang berkesan (Rajah 1).




Rajah 1. Pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit.

Pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit ini dihasilkan menggunakan bahan aktif *alpha metil ester sulfonat* atau MES. MES merupakan bahan aktif berasaskan oleokimia daripada minyak sawit yang diperolehi melalui proses tertentu (Rajah 2). Dengan ini, kos pengeluarannya adalah lebih murah berbanding bahan aktif lain seperti LAS yang perlu diimport. Oleh kerana MES adalah terbitan oleokimia, maka ianya dihasilkan daripada sumber semulajadi iaitu tumbuhan dan ianya mempunyai sifat biodegradasi yang lebih pantas daripada LAS.



Rajah 2. Kepingan MES berasaskan sawit.

Bagi menghasilkan pencuci pinggan mangkuk, kepingan MES perlu dilarutkan terlebih dahulu sebelum diadunkan dengan bahan tambah yang lain (Rajah 3). Proses penghasilan, kadar adunan, teknologi pengeluaran dan pemilihan bahan-bahan yang terbaik adalah penting untuk mengoptimalkan penghasilan produk ini. Produk yang diformulasikan menunjukkan prestasi cucian, kuasa busa dan daya larutan yang lebih berkesan berbanding dengan produk yang berada di pasaran. Pencuci pinggan mangkuk berasaskan MES juga adalah mesra alam dan tidak merengsakan kulit. Ia juga dapat mengekalkan bentuk fizikal asal dan menghalang pengecutan ke atas produk selepas digunakan. Pengguna juga akan merasa selesa menggunakan pes ini kerana ia tidak meninggalkan kesan comot pada pinggan selepas dicuci.



Rajah 3. Penghasilan pencuci pinggan mangkuk (3a), melarutkan MES di dalam larutan air; (3b) campuran bahan-bahan yang lain; (3c) pembungkusan.

